

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kejayaan meraih Anugerah Kumpulan Telenor dan Aplikasi Telefon Bimbit Terbaik Keseluruhan, Digi Challenge for Change, melayakkan tiga mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Persidangan Pemenang-Pemenang Digital di Oslo, Norway, November depan.

Menerusi aplikasi ucapan YO!, Shafwan Mohd Radzi, Abdul Hadi Abdul Ghani dan Muhammad Muhamimin Juhari berjaya menewaskan enam pencipta aplikasi terbaik lain pada pertandingan itu.

Kumpulan itu menggunakan YO! sebagai aplikasi ucapan inovatif telefon pintar yang membolehkan pengguna menghantar atau berkongsi ucapan pelbagai perayaan atau hari istimewa kepada penerima.

Shafwan berkata, aplikasi YO! yang boleh dimuat turun menggunakan sistem Windows menyediakan tiga tema ucapan meliputi harian, perayaan serta hari jadi, dan pengguna bebas memilih kad ucapan bersesuaian untuk dihantar.

Teruja ke Norway
“Setiap kad ucapan direka mengikut cita rasa pengguna, khususnya generasi muda, dengan pilihan warna

YO! pelajar UMP terbaik keseluruhan

“
APLIKASI INI JUGA DIHUBUNGKAN DENGAN SENARAI KENALAN DALAM TELEFON BIMBIT, SEKALI GUS MEMBOLEHKAN PENGGUNA MENGHANTAR UCAPAN TEPAT PADA MASANYA”

Shafwan Mohd Radzi
Mahasiswa UMP

menarik, ucapan ringkas dan paparan reka letak interaktif.

“Aplikasi ini juga dihubungkan dengan senarai kenalan dalam telefon bimbit, sekali gus membolehkan pengguna menghantar ucapan tepat pada masanya,” katanya.

Mengaku teruja dengan kemenangan itu, Shafwan berharap kunjungan ke

Norway dapat memberi peluang kepada pasukannya meraih banyak pengalaman dalam dunia aplikasi global, terutama aspek kemahiran dan pembangunan teknologi terkini.

Sementara itu, enam



Shafwan menunjukkan **aplikasi YO!** yang membolehkan pengguna menghantar ucapan perayaan dan hari istimewa kepada senarai kenalan tepat pada masanya. [FOTO NIK ROSLI ISHAK / BH]

aplikasi terbaik lain ialah MyNeighbourhood ciptaan mahasiswa Universiti Multimedia, Wan Mohd Adzha Wan Mohd Ghazali, MyTradisi (Syed Mohd Syazani Sayed Mohd Nor), Earth Green Heroes (Tan Chin Kang),

Marena (Wong Shin Chong), Redy (Fong Huang Yee, Chuah Phoi Shan, Tan Wee Han) dan Pillow (Sam Pin Sang, Niew Yee Yaw, Teo Hua Chen dan Tee Soo Hoo).

Setiap pemenang menerima RM25,000 yang disam-

paikan Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Che Azem Haron.

Promosi aplikasi

Bertemakan ‘Bringing Malaysians Together, One App at a Time’, pertandingan itu terbahagi kepada dua fasa utama, iaitu pertama menggalakkan rakyat Malaysia berkongsi idea bernes bagi aplikasi mudah alih yang mampu menyatukan semua rakyat di negara ini dan menjadikan kehidupan lebih baik bagi komuniti tempatan.

Fasa kedua pula, iaitu cabaran membangunkan aplikasi, akan menjepit pemaju untuk membina aplikasi mudah alih bagi idea tujuh pemenang daripada cabaran pertama.

Sementara itu, Ketua Komunikasi dan Tanggungjawab Korporat, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Joachim Rajaram, berkata kejayaan peserta pertandingan kali ini cukup mengagumkan kerana berupaya menterjemah idea inovatif kepada satu bentuk aplikasi yang mampu menyatukan masyarakat dan menjadikan kehidupan lebih baik bagi komuniti tempatan.

Dalam konteks ini, kata dia, kejayaan peserta bukan terhenti setakat pertandingan itu saja, sebaliknya Digi akan terus menyokong dan mempromosikan tujuh aplikasi terbaik berkenaan kepada 5.7 juta pengguna internet jalur lebar di Malaysia.